

# Tambahan ringgit perlu dikaji: Dr M

TUN Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mungkin perlu mengkaji semula tambatan ringgit berikutan kenaikan harga minyak mentah dunia dan penyusutan nilai dolar Amerika Syarikat (AS).

Bekas Perdana Menteri, berkata ia bagi memastikan Malaysia mengekalkan daya saing berbanding negara serantau lain.

"Disebabkan harga minyak semakin meningkat dan (nilai) dolar AS pula kini menyusut, ada kemungkinan tambatan ringgit perlu dikaji semula.

"Namun ia terpulang kepada kerajaan untuk memutuskannya," katanya kepada pemberita selepas pelancaran mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL) ke-30 di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Yang Dipertua DPMMKL, Datuk Syed Amin Al-Jeffri dan Naib Yang Dipertua DPMMKL, Datuk Mohd Isahak Yusuf.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan juga mungkin perlu menyemak semula tambatan ringgit jika nilai mata wang tempatan itu terlalu kukuh berbanding mata wang serantau.

"Jika (mata wang) kita terlalu kukuh pun, mungkin kita perlu menyemaknya juga. Ada banyak keadaan yang memerlukan kita memikirkannya semula.

"Saya fikir dasar tambatan ringgit sudah memberikan ba-



## Pergerakan ringgit

RM berbanding dengan satu unit mata wang asing

Perubahan tahunan (%)

BH - 8/4/2005: B1

	1997 Akhir Jun	1998 Sept	2003 Akhir Dis	2004	2003	2003
AS\$	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0
S\$	1.7647	2.1998	2.2342	2.3258	-2.0	-3.9
100 yen	2.2088	2.7742	3.5546	3.7026	-9.9	-4.0
Paun Sterling	4.1989	6.3708	6.7678	7.3169	-10.0	-7.5
Franc Swiss	1.7368	2.6450	3.0632	3.3517	-10.6	-8.6
Euro	-	-	4.7783	5.1729	-16.7	-7.6
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.5947	9.7636	-8.2	-1.7
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0449	0.0408	-5.3	9.8
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3180	0.3671	0.6	-13.4
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.8431	6.7706	4.4	1.1

nyak manfaat kepada negara," katanya.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop ketika mengulas mengenai tambatan ringgit pada sidang media selepas Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Asean Ke-9 di Vientianne, Laos kelmarin, berkata buat masa ini kerajaan tidak melihat sebarang sebab menghapuskan atau mengubah tambatan ringgit.

Bagaimanapun, katanya langkah itu akan dipertimbangkan jika jelas tambatan itu tidak lagi memberikan manfaat kepada negara ini.

Beliau berkata, dasar tambatan ringgit itu memberikan Malaysia peluang untuk pulih daripada kejatuhan pasaran mata wang pada 1998, iaitu ketika kemuncak krisis kewangan Asia.

"Tambatan itu diwujudkan bagi menyediakan peluang kepada Malaysia keluar daripada masalah yang dihadapi. Ia berjalan dengan baik dan ramai yang berasakan peluang yang diwujudkan hasil tambatan tinggi itu adalah baik bagi pertumbuhan, pelaburan dan perdagangan," katanya.

Namun beliau berkata, bila keadaan menunjukkan dengan

jelas bahawa tambatan ringgit sudah tidak memberikan manfaat dan adalah lebih baik bagi Malaysia untuk mengetepikannya atau mengubah kadarnya, ia akan dilakukan.

"Bagaimanapun, buat masa sekarang, kami berasakan tambatan ringgit pada kadar RM3.80 adalah baik untuk kita," katanya.

Kerajaan sebelum ini menetapkan bahawa kadar tambatan ringgit hanya akan disemak semula jika nilainya berbanding mata wang serantau tersasar lebih 20 peratus dalam satu tempoh yang lama.